

KETERANGAN SYARAT KELAYAKAN, TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATAN PEKERJA SEMENTARA PEREKA BENTUK BANDAR

Syarat-syarat Kelayakan:

- a. Hendaklah berumur 18-40 tahun
- b. Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya diploma dalam bidang *Urban Design, Urban Planning, Architecture, Landscape Architecture* dan lain-lain yang berkaitan atau bidang sebanding dengannya.
- c. Bagi yang berkelulusan lebih rendah tetapi di dalam bidang yang berkaitan dan / atau mempunyai pengalaman kerja sebagai Urban Designer atau 3D Modeler akan dipertimbangkan.
- d. Berkebolehan dan berkemahiran di dalam menghasilkan rekabentuk dan pemodelan 3D bandar menggunakan perisian seperti *SketchUp* serta perisian *rendering*.
- e. Mempunyai pengetahuan dalam penggunaan GIS adalah satu kelebihan.
- f. Hendaklah mempunyai kenderaan dan lesen memandu yang sah.
- g. Fasih bertutur dan menulis Bahasa Melayu. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dan lain-lain Bahasa adalah satu kelebihan.
- h. Bersedia untuk bekerja pada bila-bila masa dalam tempoh penempatan dan di mana sahaja kawasan yang diperuntukkan.
- i. Tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan.
- j. Berpengalaman dan pernah mengikuti kerja-kerja perancangan bandar, rekabentuk dan pemodelan 3D adalah juga satu kelebihan.

Tugas-tugas dan tanggungjawab:

- a) Menyediakan rekabentuk dan model di dalam 2D dan 3D menggunakan perisian yang berkaitan bagi skim-skim perancangan yang dikenalpasti.
- b) Menjalankan pemeriksaan tapak dan kajian bagi tujuan pengumpulan maklumat dan data projek.
- c) Menginterpretasi konsep pelan, pelan 2D, data GIS dan maklumat teknikal lain ke dalam bentuk model dan visualisasi 3D yang tepat dan mudah difahami.
- d) Bekerjasama dengan Perancang Bandar dan pihak berkepentingan berkaitan dalam penyediaan rekabentuk bandar dan pemodelan 3D.
- e) Menyediakan video animated rendering serta bahan-bahan visualisasi lain bagi tujuan pembentangan kepada pihak berkepentingan berkaitan rekabentuk skim perancangan. Melaksanakan apa jua arahan daripada Pegawai Atasan yang berkaitan dengan penyediaan skim-skim perancangan.